

06

**3 Teras Dasar
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

13

**Hadis :
AIDILFITRI**

14

**Menyambut Aidilfitri
MENURUT SUNNAH
RASULULLAH SAW**

Amanat
**TAHUN
BAHARU 2022**
MENTERI BESAR KELANTAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman:

"(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarakan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur." (al-Baqarah: 185)

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Maha Kaya dan Maha Pemberi Petunjuk bagi hamba-hambaNya. Tidak ada yang dapat memberi petunjuk selain Dia. Selawat dan salam bagi junjungan Nabi Muhammad SAW serta keluarga, sahabat dan umat Baginda sehingga akhir zaman.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT atas 'inayahNya sehingga Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) berjaya menerbitkan buletin Bil 01/2022. Semoga buletin ini dapat menjadi wadah untuk berkongsi pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh IPTG seiring dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) sedang giat dilakukan.

Hasrat Kerajaan amatlah besar agar rakyat negeri Kelantan ini mempunyai pengetahuan, kefahaman, penerimaan, penghayatan dan pengalaman yang selari dengan prinsip 'Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan. Semua pihak perlu saling bantu-membantu dalam melaksanakan pelbagai usaha untuk mencapai Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan sekaligus memastikan Kelantan Terus Kehadapan.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buletin ini sekali lagi dan berdoa semoga usaha dan iltizam ini diberkati Allah SWT.

***RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT,
NEGERI BERKAT***

***MEMBANGUN BERSAMA ISLAM -
KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN***


**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan
Dato' Haji Ahmad bin Yakob**
Menteri Besar Negeri Kelantan



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”
(al-Maidah: 2)

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat, keluarga serta seluruh pengikut Baginda. Sempena bulan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh umat Islam.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga IPTG khususnya sidang redaksi penerbitan IPTG yang telah berjaya menerbitkan buletin edisi 01/2022 untuk kali ini. Buletin ini memaparkan aktiviti -aktiviti dan program-program yang telah dianjurkan IPTG sepanjang bulan Januari sehingga April 2022.

Sejak bermula tahun 2022 ini, Unit Penyelidikan telah menyiapkan monograf “Amalan-amalan Sunnah Ramadan” dan telah diedarkan bersempena bulan Ramadan dan akan meneruskan penerbitan buku-buku berkaitan pada tahun ini. Manakala, banyak program yang telah dilaksanakan oleh Unit Latihan yang mana mensasarkan untuk memberi latihan kepada 45 dun. Unit Pengembangan juga masih meneruskan program kuliah secara langsung atas talian setiap hari dan akan menganjurkan dua program baharu yang sedang berlangsung pada bulan Ramadan ini iaitu Kegemilangan Ramadan dan Tadarus dan Tadabbur al-Quran.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga IPTG akan terus memberi komitmen dan bekerjasama dalam mencapai objektif seiring dengan dasar Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) yang diteruskan sehingga hari ini.

Sekian, Terima Kasih



**YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat
Pengarah**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

KANDUNGAN

Tinta Pengerusi	02
Dari Meja Pengarah	03
Sidang Redaksi	04
Selamat Datang YBRS. USTAZ ZULKIFLI BIN MAT YUSOF	05
Rencana : 3 TERAS DASAR Membangun Bersama Islam	06
Berita & Aktiviti IPTG	08
Doa : DOA AGAR SETIAP URUSAN BERAKHIR DENGAN BAIK	10
Fokus : AMANAT TAHUN BAHARU 2022 Menteri Besar Kelantan	11
Hadis : AIDILFITRI	13
Artikel : Menyambut Aidilfitri MENURUT SUNNAH	14
Infografik : AMALAN-AMALAN SYAWAL	16
Berita & Aktiviti IPTG	17
Berita & Aktiviti IPTG	18
Kata-Kata TOK GURU	19
Sana-Sini IPTG	20



SIDANG REDAKSI

Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

Penasihat

YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat

Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

Editor

Ahmad Fathi Bin Yusoff

Jurufoto

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli
Wan Muhammad Faizat Bin Wan Mohd Sanusi

Reka Bentuk Grafik & Percetakan

AZKIA PRINTING
PT361, Aras Bawah,
Lembah Sireh (Belakang Tesco),
15050 Kota Bharu, Kelantan

Alamat Surat Menyurat:

Institut Pemikiran Tok Guru
Dato' Bentara Setia

Tingkat Bawah,
Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.

*Buletin ini perlu dijaga dengan baik kerana mengandungi ayat al-Quran

TAHNIAH & SELAMAT DATANG

Kami seluruh warga IPTG mengalu-alukan
kedatangan dan mengucapkan selamat
datang kepada **YBrs. Ustaz Zulkipli Bin Mat
Yusof** (Timbalan Pengarah) ke IPTG.



*“Semoga kita
semua dapat
merealisasikan
hasrat dan
matlamat
penubuhan IPTG”*



3 TERAS DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Bahagian 3

Itqan berasal daripada perkataan Arab iaitu أتقن (*atqana*), يتقن (*yutqinu*), إتقاناً (*itqanan*). Dari segi bahasa itqan bermaksud satu usaha yang dilakukan oleh seseorang sehingga mencapai tahap kemahiran di dalam pekerjaannya. Manakala dari sudut istilah ianya bermaksud melakukan kerja dan menyiapkannya dengan cara yang paling baik dan sempurna dengan bersungguh-sungguh dan tidak melewatkannya daripada masa yang ditentukan dan memenuhi spesifikasi yang ditentukan.

Nilai ini merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja. Pelaksanaan itqan akan membentuk peribadi yang berakhlik dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Antara kelebihan dan faedah yang diperoleh seseorang penjawat awam atau pekerja yang melaksanakan budaya itqan dalam pekerjaan mereka ialah:

- i. Menunaikan dan melunaskan tanggungjawab yang telah ditaklifkan ke atas diri mereka dengan sempurna.
- ii. Memberi sumbangan (idea/tenaga kerja) yang bernilai dalam perkhidmatan.
- iii. Mendapat ganjaran secara dunia dan akhirat seperti kenaikan pangkat dalam pekerjaan serta diberi balasan pahala di akhirat.
- iv. Meningkatkan prestasi dan reputasi individu serta jabatan.
- v. Membina kemajuan dan produktiviti masyarakat serta negara hasil daripada ketekunan setiap individu dalam bekerja.
- vi. Memperolehi keredhaan Allah, disukai oleh majikan, rakan sekerja dan pelanggan.



Nilai Tatakelakuan Itqan:

1. Mahir

Sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran, kecekapan serta kepandaian dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan seperti menghadiri kursus, latihan dan lain-lain.

2. Tekun

Hendaklah menekuni dalam melaksanakan tugas dan kerja-kerja yang dipertanggungjawabkan sehingga sempurna dan mendapat hasil yang memuaskan. Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan hidup, mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk membaiki taraf hidup dan berusaha gigih bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam perkhidmatan.

3. Komitmen

Sentiasa menunjukkan sikap melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh minat, perhatian, bertenaga, memberi sokongan serta keazaman atau iltizam yang tinggi. Sanggup menghadiri tugas luar kawasan (*outstation*) yang diamanahkan walaupun terpaksa keluar kawasan, kerja lebih masa dan lain-lain.

4. Bekerjasama dan Bermuafakat

Sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong, permuafakatan, dan bekerjasama sebagai satu pasukan yang mantap bagi melahirkan suasana harmoni dan keseronokan bekerja. Sentiasa mengamalkan konsep ‘muafakat membawa berkat’.

5. Telus

Mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan. Berusaha memaklumkan maklumat, tindakan dan keputusan yang telah di ambil kepada pihak yang berhak selagi ianya tidak bercanggah dengan undang-undang, peraturan dan arahan pentadbiran.

Justeru, ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan adalah tema dan falsafah hidup seorang muslim dalam merealisasikan aqidah, syariah dan akhlak dalam seluruh kehidupan; kerjaya, keluarga, masyarakat dan negara. Tiga falsafah atau konsep ini menjadi pengukur bagi menilai seseorang penjawat awam dan menjadi parameter terhadap prestasi kerja. ■

KURSUS KEFAHAMAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) PERINGKAT DUN

Unit Latihan telah mengadakan **Kursus Kefahaman Dasar Membangun Bersama Islam (MBI)** Peringkat Dun kepada 9 buah dun sepanjang bulan Februari hingga Mac, antaranya ialah:



07 Rejab 1443H / 09 Februari 2022
Dun Gual Periok



10 Rejab 1443H / 12 Februari 2022
Dun Nenggiri



11 Rejab 1443H / 13 Februari 2022
Dun Salor



21 Rejab 2022 / 23 Februari 2022
Dun Wakaf Bharu



03 Syaaban 1443H / 06 Mac 2022
Dun Mengkebang



05 Syaaban 1443H / 08 Mac 2022
Dun Paloh



05 Syaaban 1443H / 08 Mac 2022
Dun Galas



12 Syaaban 1443H / 15 Mac 2022
Dun Manek Urai



16 Syaaban 1443H / 19 Mac 2022
Dun Gual Ipoh

**DOA AGAR SETIAP URUSAN
BERAKHIR
DENGAN BAIK**

اللَّهُمَّ أَخْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا

وَأَجْزِنَا مِنْ خَزْنِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ

Maksudnya:

“Ya Allah, jadikan segala urusan kami berakhir dengan baik. Dan lindungi kami dari bencana dunia dan azab akhirat.”

HR. Ahmad (No. 17628)

Sabtu hari kita menyaksikan perubahan siang dan malam silih berganti. Kita menyaksikan perubahan waktu siang kepada malam dan sebaliknya sehingga mungkin tidak membuatkan diri berfikir tentang kekuasaan Allah SWT. Oleh itu, Nabi SAW mengajar umatnya untuk berdoa kepada Allah SWT agar setiap urusan yang dilakukan setiap hari berakhir dengan baik.

Sudah menjadi kelaziman bagi setiap manusia untuk menguruskan kehidupan sehariannya dengan berbagai-bagai cara. Bukan sahaja kehidupan dunia malahan kehidupan yang kekal iaitu *ukhrawi* (akhirat).

Contohnya, dalam kehidupan sehari-hari kita pastinya terselit dengan bermacam-macam perkara yang ingin kita lakukan seperti bekerja, membeli, meluangkan masa bersama keluarga, mengabdikan diri kepada Sang Pencipta dan banyak lagi. Sudah tentu apabila kita melaksanakan semua perkara ini, perkara yang paling kita harapkan ialah mendapat redha Allah SWT dan memohon agar Allah SWT menjadikan segala urusan kita ini berakhir dengan baik.

Akhirnya, semoga Allah SWT mengurniakan kita semua pengakhiran yang baik serta menjauahkan kita daripada segala kehinaan sama ada di dunia maupun di akhirat. Amin. ■



AMANAT TAHUN BAHARU 2022

MENTERI BESAR KELANTAN

03 JAMADIL AKHIR 1443H
06 JANUARI 2022

Amanat Tahun Baharu 2022 telah diadakan di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim. Amanat ini disampaikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj. Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan. Beliau menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga perkhidmatan penjawat awam negeri dan persekutuan khasnya kepada yang hadir pada majlis amanat tahun baru. Beliau bersyukur kepada Allah SWT kemudian berterima kasih rakyat Kelantan di atas keprihatinan membantu mangsa-mangsa banjir yang terjejas terutama di Pahang dan Selangor pada awal tahun ini dan juga yang melanda di kawasan negeri Kelantan.

YAB Menteri Besar Kelantan menyatakan di dalam amanat beliau baru-baru ini dengan adanya lebihan hasil akaun semasa kerajaan negeri ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk program-program rakyat bagi pemulihan pasca COVID-19, program-program kebijakan rakyat dan pembangunan insan.

Amanat tahun ini menekankan setiap dasar program yang akan dilaksanakan perlu ditambahbaik, dinilai dan diberi nafas baharu supaya lebih berkesan dan sesuai dengan perkembangan semasa. Dalam masa yang sama, dasar dan program yang hendak dilaksanakan perlu sentiasa selaras dengan tuntutan syariat Islam.



Beliau juga telah menyampaikan 10 amanat kepada penjawat awam iaitu:

1. Perlu ada keseimbangan
2. Perlu mengutamakan apa yang lebih utama.
3. Perlu ada kerjasama dalam menerokai peluang.
4. Mengamalkan konsep turun padang.
5. Menyebarkan maklumat dengan pantas.
6. Perlu peka dan ikut serta terhadap perkembangan semasa mengenai dasar dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
7. Kurangkan elemen kelemahan yang boleh merencatkan sistem penyampaian Kerajaan seperti dalam agihan peruntukan dan bantuan kepada rakyat.
8. Menitikberatkan budaya penilaian “postmortem”.
9. Bersikap keterbukaan dalam apa juu situasi.
10. Bersikap integriti dalam setiap gerak laku dalam pekerjaan.



Akhirnya, beliau mengucapkan penghargaan kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli yang berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai serta seluruh penjawat awam Kelantan yang sentiasa komited untuk memakmurkan negeri dan tidak lupa juga kepada pasukan barisan hadapan yang berusaha membendung penularan COVID-19 dan kepada seluruh rakyat Kelantan yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dunia akhirat. ■

**SIRI 2****AIDILFITRI**

عن جَبَيرِ بْنِ نُفَيْرٍ، قَالَ: (كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اتَّقَوْا يَوْمَ الْعِيدِ يَقُولُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ: تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ)

Maksudnya:

Daripada Jubair bin Nufair berkata bahawa para sahabat Rasulullah SAW ketika mereka bertemu pada hari raya, mereka saling mengucapkan; “Semoga Allah menerima (amalan soleh) daripada kami dan daripada kamu”.

(Riwayat Zahir bin Tohir, sanadnya dinilai hasan oleh Ibn Hajar dalam Fath al-Bari)

Pengajaran hadis:

1. Setelah sebulan menjalani ibadah puasa dan amalan sunat pada bulan Ramadan, maka Allah SWT mengurniakan bulan Syawal sebagai anugerah dan petanda kemenangan kepada umat Islam.
2. Disunatkan untuk saling mengucapkan tahniah dan mendoakan antara satu sama lain agar segala dosa diampunkan serta semua amal kebaikan yang dilakukan sepanjang Ramadan diterima oleh Allah SWT.

3. Kemenangan dan kejayaan hendaklah diisi dengan penuh kesyukuran dengan bertakbir memuji dan memuja Ilahi disamping mempereratkan tali silaturahim dengan amalan ziarah menziarahi sesama umat Islam. ■

Mengambut Aidilfitri

MENURUT SUNNAH RASULULLAH SAW



Kehadiran Syawal memberi ruang kepada umat Islam menzahirkan kegembiraan selepas berjaya menunaikan ibadah puasa selama 30 hari pada bulan Ramadan. Dalam suasana kegembiraan itu, Islam menekankan umatnya supaya tidak melupakan Allah SWT dan meraikan sambutan Aidilfitri menurut Sunnah Rasulullah SAW.



Antara sunnah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah:

1. Bertakbir

Bertakbir pada tarikh 1 Syawal bersempena Aidilfitri merupakan suatu amalan yang disyariatkan.

Firman Allah SWT: "Supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah SWT dengan bertakbir kerana telah memberi petunjukNya kepada kamu dan supaya kamu bersyukur." (al-Baqarah: 185)

2. Lafaz ucapan selamat pada hari raya Aidilfitri

Kebanyakan umat Islam di Malaysia akan mengucapkan antara satu sama lain pada hari lebaran dengan ucapan “Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin”.

Namun, apa yang lebih bertepatan dengan amalan para salafussoleh dalam meneladani sunnah Rasulullah SAW adalah sebagaimana yang diceritakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani r.h yang dinukilkhan daripada Jubair Bin Nufair r.a katanya: “Apabila para sahabat Rasulullah SAW bertemu di hari raya, sebahagian mereka mengucapkan kepada yang lain ‘taqabbalallah minka waminka’ (semoga Allah menerima amalan kami dan amalanmu).



3. Meneruskan qiamullail

Jika sepanjang bulan Ramadan kita telah bersungguh-sungguh menghidupkan malam kita dengan pelbagai ibadah terutamanya solat qiam Ramadan (solat tarawih), ia seharusnya diteruskan juga pada hari-hari berikutnya dengan mengerjakan solat tahajud.



4. Mandi pada pagi hari raya

Disunatkan mandi di pagi hari raya sebagaimana mandi wajib, iaitu sebelum berangkat menuju ke tempat perlaksanaan solat Aidilfitri.

5. Menjamah sedikit makanan sebelum solat Aidilfitri

Disunatkan kaum muslimin menjamah makanan sebelum berangkat menunaikan solat Aidilfitri. Perbuatan ini bertujuan menutup segala andaian bahawa dibenarkan berpuasa pada hari raya.



6. Mengerjakan solat sunat Aidilfitri

Diantara syiar yang paling utama dalam menyambut Aidilfitri adalah pelaksanaan solat Aidilfitri sebanyak 2 rakaat oleh seluruh umat Islam.



Inilah sebahagian daripada hukum-hakam dan amalan yang disunnahkan ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri menurut al-Quran dan Sunnah yang sepatutnya dijadikan contoh ikutan bagi seluruh umat Islam. Mudah-mudahan, sambutan hari raya Aidilfitri yang akan menjelma nanti disambut dengan penuh keikhlasan, kemeriah dan selari dengan perintah Allah serta RasulNya SAW. ■



Lafaz Niat Puasa Enam Syawal

نویت صوم غد عن ستة من يوم شوال سنة لله تعالى

*Sahaja aku puasa hari esok dan enam hari di bulan Syawal,
sunat kerana Allah Ta’ala*

1. Pahala sama dengan berpuasa selama satu tahun
2. Antara bukti puasa Ramadan seseorang diterima Allah SWT
3. Antara bukti syukur kita kepada Allah SWT
4. Bukti keikhlasan amal soleh sepanjang bulan Ramadan

PENYIARAN ONLINE SEPANJANG BULAN JANUARI - APRIL 2022

Penyiaran slot **Pagi @ IPTG** masih bersiaran seperti biasa dan disiarkan secara langsung dalam talian melalui aplikasi Facebook & Youtube. Siaran bermula jam 9.30 pagi selama 30 minit setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu.



Membangun Bersama Islam (MBI) merupakan Program Secara Langsung Atas Talian terbaru IPTG bagi tahun 2022 yang bermula pada bulan Februari 2022. Program ini menghuraikan tentang dasar yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang disampaikan sendiri oleh YBhg Dato' Pengarah IPTG, Dato' Dr. Johari Bin Mat. Program ini bersiaran setiap hari Selasa bagi setiap minggu pada jam 9.30 pagi.

Penyiaran slot **IPTG Podcast: Bare Kena Tahu** masih bersiaran tetap pada setiap hari Ahad bagi setiap minggu. Siaran secara langsung dalam talian melalui aplikasi Facebook dan Youtube pada setiap hari bagi setiap minggu. IPTG menjemput panel tetap iaitu YBrs. Ustaz Muhamad bin Mustafa.




Penyiaran slot **IPTG Podcast: Bare Kena Tahu** terus bersiaran tetap pada setiap hari Ahad bagi setiap minggu. Siaran secara langsung dalam talian melalui aplikasi Facebook dan Youtube pada setiap hari bagi setiap minggu. IPTG menjemput panel tetap iaitu YBrs. Ustaz Muhamad bin Mustafa.

Podcast Rehal Amirah, ia adalah program baru yang disiarkan secara langsung. Program ini difokuskan untuk wanita. Program ini bersiaran setiap hari Khamis, satu kali sebulan. Ia disampaikan oleh YBrs. Ustazah Hafizah bt Abdullah, Pengetua Maahad Pengajian Islam, Kota Bharu.



IPTG turut menyiaran program kerohanian bersempena Ramadan 1443H iaitu **“Kegemilangan Ramadan”** yang telah bermula bersiaran pada 29 Syaaban 1443H sehingga 30 Ramadan 1443H. IPTG menampilkan 16 orang pengkuliahan yang hebat untuk membincangkan pelbagai topik berkaitan amalan di bulan Ramadan. Program ini disiarkan secara langsung atas talian di platform Facebook Institut Pemikiran Tok Guru setiap hari pada jam 10.00 malam.

IPTG turut menyiaran program kerohanian bersempena Ramadan 1443H iaitu **“Tadarus dan Tadabbur Al-Quran 1443H”** yang telah bermula bersiaran pada 01 Ramadan 1443H sehingga 30 Ramadan 1443H. IPTG menampilkan 4 orang pengkuliahan yang hebat untuk membincangkan pelbagai surah pilihan. Program ini disiarkan secara langsung atas talian di platform Facebook Institut Pemikiran Tok Guru dan juga Youtube IPTG TV setiap hari pada jam 11.00 pagi selama satu jam.





03 Jamadil Akhir 1443H
06 Januari 2022

AMANAT
MENTERI BESAR



9 Jamadil Akhir 1443H
12 Januari 2022

PERJUMPAAN
PENGKULIAH



22 Jamadil Akhir 1443H
25 Januari 2022

PROGRAM BICARA
PENGUKUHAN UMI



23 Jamadil Akhir 1443H
26 Januari 2022

DIALOG STRATEGIK
PEMBINAAN TAMADUN




24 Jamadil Akhir 1443H
27 Januari 2022

TOT MODUL DASAR
MBI PERINGKAT DUN DI
HOTEL IBIS STYLES



5 Rejab 1443H
7 Februari 2022


MAJLIS MUNAQASYAH
AMANAT MB DI HOTEL H
ELITE



**PESAN
TOK KU**

*"Bila kita membeli belah di kedai, kita tukarkan duit dengan barang, Oleh yang demikian, kita tidak sayang belanjakan duit kerana nampak barang di depan mata. **Namun, sedarkah kita bila kita laburkan duit untuk kebaikan, seperti kita membeli pahala dengan duit kita. Walaupun pahala ini benda yang tidak nampak, tetapi itulah duit kita di akhirat..."***

AlMarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat



**PESAN
TOK KU**

*"Bila masuk ke dalam kubur, kita tidak bawa duit lagi untuk belanja, nasi tidak dibawa untuk dimakan dan air juga tidak dibawa untuk diminum, Gelaran dato, tok guru atau apa jenis sanjungan tidak akan dibawa. **Pada masa itu, yang akan dicari ialah Nabi Muhammad SAW, Jumpakah kita dengan Nabi kalau di dunia kita melawan Baginda?"***

AlMarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

9 Jamadil Akhir 1443H
12 Januari 2022



Lawatan daripada Setiausaha Pertama Politik, Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura

16 Jamadil Akhir 1443H
19 Januari 2022



Kursus IT Pembantu Tadbir Dakwah Halaqat, Sudara Beach Resort

15 Rejab 1443H
17 Februari 2022



Majlis perpisahan pelajar praktikal

28 Syaaban 1443H
31 Mac 2022



IPTG bekerjasama dengan U-BeS dalam Program Bicarawara Kisah Tok Guru Di MABNA At-Tadris, YIK

09 Ramadan 1443H
11 April 2022



Lawatan daripada Kedutaan Arab Saudi

سَلَامُ عِيدِ الْفَرْجِ



Salam Aidilfitri

MAAF ZAHIR & BATIN

ikhlas daripada

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO' BENTARA SETIA - IPTG